

# Jumlah mangsa meningkat, pusat pemindahan bertambah di Melaka

**MELAKA 7 Feb.** - Sejumlah 4,382 mangsa daripada 968 keluarga ditempatkan di 16 pusat pemindahan di tiga daerah di negeri ini sejak pukul 4 petang ini.

Jumlah tersebut meningkat sebanyak 1,920 mangsa daripada 298 keluarga berbanding 3,092 mangsa daripada 670 keluarga pada pukul 12 tengah hari tadi.

Pengarah Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) negeri, Lt. Kol (PA) Effendy Ali berkata, Melaka Tengah mencatat jumlah mangsa teramai iaitu 2,720 mangsa daripada 617 keluarga, diikuti Alor Gajah (1,615 mangsa daripada 341 keluarga), manakala Jasin (47 mangsa daripada 11 keluarga).

"Sebanyak tiga pusat pemindahan baharu telah dibuka di Melaka Tengah iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Malim, Sekolah Rendah Agama (SRA) Bertam Malim dan Kompleks Penghulu Tampoi.

"Di Alor Gajah, satu pusat pemindahan baharu telah dibuka iaitu di Sekolah Kebangsaan (SK) Gangsa, manakala di Jasin, sebuah pusat pemindahan iaitu Balai Raya Asahan telah ditutup pada pukul 1 petang tadi," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Di **Melaka Tengah**, jumlah mangsa di enam pusat pemindahan ialah 127 mangsa daripada 31 keluarga di Masjidul Rahman Tanah Merah, Kerubong, SK Krubong (406 mangsa daripada 99 keluarga), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Munsyhi Abdullah (2,070 mangsa daripada 434 keluarga), SJKC Malim (40 mangsa daripada 8 keluarga), SRA Bertam Malim (43 mangsa daripada 10 keluarga) dan Kompleks Penghulu Tampoi (152 mangsa daripada 34 keluarga).

## info

### Jumlah Mangsa Mengikut Daerah

#### MELAKA TENGAH

Pusat pemindahan = 6  
Jumlah mangsa = 2,720  
Jumlah keluarga = 616

- **Masjidul Rahman Tanah Merah, Kerubong** - 121 mangsa daripada 31 keluarga
- **SK Krubong** - 406 mangsa daripada 99 keluarga
- **Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Munsyhi Abdullah** - 2,070 mangsa daripada 434 keluarga
- **SJKC Malim** - 40 mangsa daripada 8 keluarga
- **SRA Bertam Malim** - 43 mangsa daripada 10 keluarga
- **Kompleks Penghulu Tampoi** - 152 mangsa daripada 34 keluarga

#### ALOR GAJAH

Pusat pemindahan = 8  
Jumlah mangsa = 1,615  
Jumlah keluarga = 341

- **SK Ganun** - 23 mangsa

daripada 8 keluarga

- **Balai Raya Bukit Balai Durian Tunggal** - 32 mangsa daripada 6 keluarga
- **Balai Raya Bukit Tambun** - 8 mangsa daripada 2 keluarga
- **SK Belimbing Dalam** - 561 mangsa daripada 137 keluarga
- **SMK Seri Pengkalan** - 301 mangsa daripada 75 keluarga
- **Balai Raya Taman Seri Bayu** - 498 mangsa daripada 82 keluarga
- **Balai Raya Kampung Beringin** - 49 mangsa daripada 9 keluarga
- **SK Gangsa** - 118 mangsa daripada 22 keluarga

#### JASIN

Pusat pemindahan = 2  
Jumlah mangsa = 47  
Jumlah keluarga = 11

- **SMK Simpang Bekoh** - 23 mangsa daripada 6 keluarga
- **SK Chohong** - 24 mangsa daripada 5 keluarga

Di **Alor Gajah**, jumlah mangsa yang ditempatkan di lapan pusat pemindahan ialah SK Ganun (23 mangsa daripada 8 keluarga), Balai Raya Bukit Balai Durian Tunggal (32 mangsa daripada 6 keluarga), Balai Raya Bukit Tambun (8 mangsa daripada 2 keluarga), SK Belimbing Dalam (561 mangsa daripada 137 keluarga), SMK Seri Pengkalan (301 mangsa daripada 75 keluarga), Balai

Raya Taman Seri Bayu (498 mangsa daripada 82 keluarga), Balai Raya Kampung Beringin (49 mangsa daripada 9 keluarga) dan SK Gangsa (118 mangsa daripada 22 keluarga)

Di **Jasin**, jumlah mangsa di dua pusat pemindahan ialah sebanyak 23 mangsa daripada enam keluarga di SMK Simpang Bekoh dan SK Chohong (24 mangsa daripada 5 keluarga).